

RENCANA

KONVOKESYEN SECARA FIZIKAL NTU

# Terdorong jadi doktor lihat bapa sebulan di hospital

Doktor pelatih aku kerjaya ada cabaran tersendiri namun tak pernah kesal kerana mahu lakukan yang terbaik bagi pesakit

► **SITI AISYAH NORDIN**  
nalsyah@nph.com.sg

SEMANGAT dan dedikasi yang dipapar doktor serta kakitangan hospital dalam memastikan pesakit menerima penjagaan sempurna cukup mengagumkan beliau.

Itu dilihatnya sendiri apabila bapanya dirawat di hospital selama sebulan selepas mengalami pendarahan otak.

Pengalaman itu mendorong Dr Muhammad Fadzil Kamarudin, yang berusia 14 tahun pada masa itu, memutuskan beliau ingin menjadi doktor agar dapat menggunakan pengetahuannya untuk memastikan pesakit dapat dibantu.

Minat dalam bidang perubatan itu turut memupuk minatnya dalam sains, terutama anatomi manusia, hingga mendorongnya mendalami bidang itu.

Impian menjadi doktor Dr Fadzil sekitar 10 tahun lalu itu kini menjadi kenyataan.

Beliau sekarang menjadi doktor pelatih di Hospital Ng Teng Fong, selepas tamat pengajian sarjana muda perubatan dan pembedahan (MBBS) di Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada tahun lalu.

Dr Fadzil berkata beliau berasa puas apabila dapat membantu pesakit.

Malah, sejak di bangun sekolah beliau sedar bahawa tugas kakitangan penjagaan kesihatan sangat mulia kerana mereka mengutamakan kepentingan pesakit daripada kepentingan diri sendiri.

"Sekarang saya dapat melihat sendiri berapa banyak masa dluangkan doktor untuk menjaga pesakit dan betapa kita akan cuba sedaya upaya membantu mereka hingga pulih," katanya.

Namun, Dr Fadzil mengakui bahawa kerjaya penjagaan kesihatan ada cabaran tersendiri.

"Apabila kami *on call* (tunggu



**IMPIAN JADI KENYATAAN:** Dr Muhammad Fadzil bersama ibu, bapa dan adiknya: Cik Heldawati, Encik Kamarudin Ismail dan Cik Nur Khairunnisa. Melihat bapanya dirawat di hospital selama sebulan disebabkan pendarahan otak mendorong beliau memutuskan menjadi doktor agar dapat merawat orang sakit. – Foto BH oleh KHALID BABA

sedia) pada waktu malam, ia memang mencabar kerana kebanyakan doktor tiada di hospital dan anda perlu menjaga semua pesakit di beberapa tingkat.

"Ada kalanya memang sibuk, tetapi ini mengajar saya pandai mengutamakan tugas yang lebih penting.

"Tapi, bagaimana susah sekalipun, saya tidak pernah berasa menyesal kerana mengganggu ini sebagai satu tanggungjawab dan saya perlu melakukan yang terbaik bagi pesakit," ujarnya.

Tugas sebagai kakitangan penjagaan kesihatan juga bertambah sukar dalam persekitaran pandemik ini,

membuat Dr Fadzil mengesesa semua kakitangan supaya menjagakan keselamatan mereka.

"Kami (sebagai kakitangan penjagaan kesihatan) perlu sedar dan ingat akan pentingnya keselamatan diri kerana, apabila kami tidak sihat, kami tidak boleh berkhidmat kepada pesakit," katanya.

Mengenai rancangan masa depan, Dr Fadzil berkata beliau ingin meneroka bidang perubatan yang sesuai dengan dirinya. Buat masa ini, beliau merancang menubuhkan pelbagai bidang perubatan berbeza, hingga menemui sukar dalam yang sesuai dengan minatnya.

## SATU TANGGUNGJAWAB

"Apabila kami *on call* (tunggu sedia) pada waktu malam, ia memang mencabar kerana kebanyakan doktor tiada di hospital dan anda perlu menjaga semua pesakit di beberapa tingkat... Tapi bagaimana susah sekalipun, saya tidak pernah berasa putus asa kerana ini satu tanggungjawab dan saya perlu melakukan yang terbaik bagi pesakit."

– Dr Muhammad Fadzil Kamarudin,  
doktor pelatih di Hospital Ng Teng Fong.